
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JFW 460 – KEWANGAN KORPORAT

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (10 markah)

Analisis penyata kewangan bertujuan untuk membantu dalam penilaian prestasi masa lalu pihak pengurusan daripada segi keberuntungan, kecekapan dan risiko. Salah satu kaedah penilaian ialah melalui analisa nisbah.

- (a) Jelaskan mana-mana TIGA (3) analisa nisbah tersebut. (6 markah)
- (b) Jelaskan DUA (2) kelemahan analisis penyata kewangan. (4 markah)

SOALAN 2 (15 markah)

Hipotesis pasaran cekap boleh dibahagikan kepada tiga bentuk: pertama ialah pasaran cekap bentuk kuat; kedua ialah pasaran cekap bentuk separa kuat; dan ketiga ialah pasaran cekap bentuk lemah.

- (a) Berikan definisi pasaran cekap. (2 markah)
- (b) Jelaskan maksud ketiga-tiga bentuk pasaran cekap di atas. (9 markah)
- (c) Huraikan bentuk-bentuk pasaran yang membolehkan anda mendapat pulangan yang melebihi daripada pulangan pasaran, jika anda mempunyai maklumat awam. (4 markah)

SOALAN 3 (15 markah)

- (a) Pulangan dijangka bagi saham ABC Sdn. Bhd. ialah 13.5% dan beta ialah 0.86. Kadar bebas risiko ialah 4.0%. Kirakan pulangan dijangka ke atas pasaran. (5 markah)
- (b) Encik Abu Ali Ismail al-Khusairy menerima dividen sebanyak 20 sen ke atas setiap saham biasa yang dipegangnya. Harga semasa saham tersebut ialah RM9.50 sesaham. Saham itu dibeli oleh Encik Abu Ali Ismail al-Khusairy pada tahun lepas pada harga RM8.50 sesaham.
- (i) Berapakah pulangan saham itu dalam Ringgit Malaysia? (5 markah)
- (ii) Berapakah pulangan saham itu dalam peratusan? (5 markah)

SOALAN 4 (10 markah)

Satu manfaat rancangan persaraan menawarkan untuk membayar RM40,000 setiap tahun selama 40 tahun dan peningkatan bayaran tahunan ialah 4% setiap tahun. Apakah nilai kini di masa persaraan sekiranya kadar diskaun adalah 9 peratus setahun?

SOALAN 5 (20 markah)

| Tahun | Projek A | Projek A |
|-------|----------|----------|
| 0 | -\$2,000 | -\$1,500 |
| 1 | \$2,000 | \$500 |
| 2 | \$8,000 | \$1,000 |
| 3 | -\$8,000 | \$1,500 |

- (a) Andaikan pulangan yang dikehendaki ialah 10 peratus. Buat pengiraan untuk DUA (2) projek di atas, kira;
- (i) Nilai Kini Bersih (NPV) (6 markah)
 - (ii) Indeks Keberuntungan (PI) (6 markah)
 - (iii) Tempoh Bayaran (6 markah)
- (b) Senaraikan DUA (2) kelebihan kaedah Nilai Kini Bersih (NPV). (2 markah)

SOALAN 6 (30 markah)

Anda sedang mempertimbangkan satu portfolio pelaburan. Jangkaan keadaan ekonomi, kebarangkalian keadaan ekonomi tersebut akan berlaku, kadar pulangan ke atas saham-saham dan kandungan portfolio adalah seperti berikut:-

| Keadaan Ekonomi | Kebarangkalian Keadaan Ekonomi | Kadar Pulangan | | |
|-----------------|--------------------------------|----------------|---------|---------|
| | | Saham A | Saham B | Saham C |
| Berkembang | .30 | 20% | 15% | 25% |
| Biasa | .60 | 15% | 10% | 10% |
| Meleset | .10 | -5% | 5% | -10% |

Portfolio anda mengandungi 25% saham A, 50% saham B dan 25% saham C.

- (a) Apakah kadar pulangan dijangka ke atas portfolio anda? (20 markah)
- (b) Apakah sisihan piawai ke atas portfolio anda? (10 markah)